

Mahathir - Guru

JANGAN BIAR MASALAH PERIBADI PENGARUHI DIRI, NASIHAT DR M KEPADA GURU

ALOR SETAR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan kaum guru supaya jangan membenarkan masalah peribadi kerana perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu perkara mempengaruhi diri sehingga mereka lupa akan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau menasihati mereka supaya sentiasa mengimbangi antara pentingnya masalah peribadi dan masalah negara.

Katanya, ia bukanlah pula bermakna mereka harus mengetepikan masalah peribadi tetapi tumpuan hendaklah juga diberi kepada masalah negara.

"Kalau kita dapat menyelesaikan masalah negara, sedikit-selanyak masalah kita juga akan dapat diatasi," katanya ketika merasmikan pelancaran sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan tahun ini di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, di sini.

Beliau mahu para guru memahami bahawa sebagai manusia biasa, semua orang mempunyai masalah dan perasaan tidak senang terhadap sesuatu perkara.

-- Lagi

▼17/05/00-05MST

CNS1838

U GB 17-05 00150 BA325

aab

Mahathir - Guru 2 Alor Setar

"Saya pun punya banyak masalah...tetapi kehidupan memang begitu. Kita terpaksa hadapi masalah kehidupan ini, rancangan itu, rancangan ini, tangga gaji itu, tangga gaji ini," katanya.

Katanya, sebagai manusia biasa, manusia tidak pernah sempurna dan begitulah juga dengan kerajaan yang sentiasa berusaha mengejar kesempurnaan dengan mengadakan perbincangan, seminar dan kaji selidik sebelum melaksanakan sesuatu.

Bagaimanapun, sebagai keputusan yang dibuat oleh manusia dan bukan keputusan tuhan, sudah tentulah apa juga yang dilaksanakan ada kecacatannya yang perlu sentiasa diperbaiki.

"Sebanyak mana kecacatan itu yang kita jumpa dan diganti dengan yang baru, ada juga cacatnya...tidak ada kesempurnaan... apa juga keputusan tetap ada yang tidak berpuas hati," kata beliau.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai usaha kerajaan memperkenalkan kurikulum baru dan perubahan dalam pendidikan bagi membentuk peribadi yang mulia di kalangan generasi hari ini dan masa depan. -- Lagi

▼17/05/00-08MST

CNS1839

R GB 17-05 00147 BA326

aab

Mahathir - Guru 3 Alor Setar

Katanya, segala perubahan yang diperkenalkan itu adalah penting untuk menyesuaikan generasi muda dengan peredaran masa dan zaman.

"Zaman telah beredar, kalau sesuatu ilmu pada masa dulu dianggap mustahak, hari ini ia tidak mustahak lagi. Justeru itu, untuk mencapai sesuatu kejayaan, kita perlu membuat perubahan-perubahan.

"Kurikulum yang baru sudah tentu menambah beban guru-guru kerana setiap kali diubah kurikulum, mereka kena belajar tajuk-tajuk di bawah kurikulum yang baru ini.

"Tetapi ilmu dan pendidikan tidak akan bermakna jika ia tidak relevan (bersesuaian) dengan keadaan semasa. Justeru itu, diadakan perubahan kurikulum mengikut keperluan semasa dan hari ini kita memberi penekanan kepada kemahiran hidup untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan ini dan alatan moden," katanya.

Kata Perdana Menteri sekiranya perkara itu tidak dilaksanakan, Malaysia akan ketinggalan dan akan terus dipandang hina oleh pihak lain. -- Lagi

CNS1840

R GB 17-05 00098 BA327

aab

Mahathir - Guru 4 (Akhir) Alor Setar

Sehubungan itu, beliau menggesa para guru supaya menguasai ilmu dan kurikulum baru serta membentuk sikap yang tidak merugikan diri sendiri.

Beliau juga meminta para guru supaya memahami pentingnya peranan mereka dalam membentuk peribadi generasi dan hendaklah menyemaikan kesedaran itu di kalangan kanak-kanak di peringkat awal lagi supaya mereka dapat meneruskan perjuangan untuk memuliakan bangsa.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff dan Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud. -- Bernama.

KHY PR

♥17/05/00-17MST